

5 pemimpin kesatuan dilantik semula ahli lembaga KWSP

UM 22 JUN 2001

Oleh FAZLIN MOHAMAD ZAKI

KUALA LUMPUR 21 Jun — Lima pemimpin kesatuan sekerja dilantik semula sebagai ahli Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk penggal selama dua tahun mulai 1 Jun lalu.

Pemimpin-pemimpin berkenaan ialah Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak dan Timbalannya, Mohammad Shafie BP Mammal; Presiden CUEPACS, Datuk N. Siva Subramaniam dan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Bahi Sarawak, Andrew Lo.

Turut dilantik semula ialah Setiausaha Agung Kesatuan Perdagangan Sabah, Rebecca Chin.

Pelantikan semula mereka untuk mewakili pekerja-pekerja dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan.

MTUC dan CUEPACS telah mencalonkan kelima-lima nama berkenaan kepada Kementerian Kewangan bulan lalu.

Kini terdapat lima wakil pekerja dalam lembaga berkenaan dan mereka akan berkhidmat selama dua tahun.

Penggal tempoh perkhidmatan mereka yang lalu telah berakhir pada 31 Mei lalu.

Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran yang turut mengesahkan perkembangan tersebut berkata: "Lembaga KWSP mempunyai 19 wakil termasuk pengurusnya.